

20 Julai, 1981

Razaleigh berikrar terus khidmat dalam Kerajaan

KUALA LUMPUR, Ahad.

— Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berikrar akan terus berkhidmat dalam Kerajaan selagi beliau boleh memainkan peranan yang bermakna dan berkesan untuk kebajikan rakyat dan negara.

Dalam kenyataannya mengesahkan penerimaan tawaran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk menyertai Kabinet sebagai Menteri Kewangan, beliau menyatakan syukurnya kepada tuhan kerana "telah menggerakkan hati saya supaya menerima tawaran itu" walaupun pernah menyuarakan hasrat hendak mengundurkan diri dari Kerajaan jika tewas dalam pertandingan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO baru-baru ini.

Katanya "jika mengikut kenyataan saya tempoh hari, sudah sewajarnya saya tidak menerima tawaran itu tetapi sokongan dan desakan dari para pemimpin dan ahli-ahli dan juga orang lain begitu hebat sekali sehingga saya tidak s a n g g u p mengecewakan mereka.

"Saya tidak sanggup mengecewakan harapan dan kemahuan rakyat dan mengorbankan keutuhan UMNO semata-mata kerana hendak memuaskan perasaan sendiri.

Seruan

Tengku Razaleigh menegaskan sebagai seorang muslim dan nasionalis beliau tidak sanggup mengabaikan seruan tanah air.

"Batin saya mengalami konflik antara perasaan peribadi dengan seruan rakyat yang meminta saya kembali ke dalam Kerajaan yang menjadikan saya serba salah.

"Faktor yang melibatkan soal prinsip yang besar inilah yang telah mendorong saya menerima tawaran supaya terus memegang jawatan Menteri Kewangan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.

"Keputusan ini bagi saya adalah takdir Illahi," tambahnya.

Tengku Razaleigh berkata, oleh itu beliau rela mengenyepikan segala perasaan peribadi demi kepentingan perjuangan hidup yang lebih besar iaitu perpaduan parti dan kemakmuran rakyat dan negara.